



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain dari kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "RASUAH MUSUH NEGARA"

5 Februari 2021 / 23 Jamadil Akhir 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ<sup>2</sup>

(Surah al-Baqarah ayat 188)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>3</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>4</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang yang berjaya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: "Rasuah Musuh Negara"

### Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Rasuah merupakan perbuatan jenayah yang telah menular dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan laporan media, rasuah sudah menular dalam kalangan pelbagai golongan, terutama melibatkan pihak yang mempunyai kuasa seperti perkhidmatan awam, swasta, ahli politik dan orang awam. Rasuah meliputi perbuatan meminta, menawar, menerima suapan atau tuntutan palsu mahupun menyalahgunakan jawatan untuk

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Ayat al-Quran

<sup>3</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>4</sup> Pesan Taqwa



kepentingan diri, keluarga dan pihak-pihak tertentu. Mereka yang terbabit dengan rasuah pula terdiri

daripada pelbagai golongan, sama ada muda ataupun tua, lelaki mahupun wanita. Rasuah boleh berlaku di mana-mana saja sama ada di tempat sunyi mahupun di tempat yang terang kerana pendinding sebenar perlakuan rasuah adalah taqwa dan iman.

Allah SWT telah menegaskan di dalam surah al-Bagarah ayat 188 tadi yang bermaksud :

**"dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menyogok para hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian harta orang lain dengan jalan dosa padahal kamu mengetahui ".**

Ayat ini menegaskan kepada kita agar tidak memakan harta orang lain dengan jalan yang salah seperti menipu, pecah amanah dan mungkir janji termasuk menerima rasuah. Lebih-lebih lagi perbuatan menyogok pihak berkuasa bagi tujuan mengambil hak orang lain secara batil. Hal ini akan mengakibatkan kezaliman kepada pihak yang sepatutnya berhak ke atas harta tersebut.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Rasuah adalah penyakit dalam masyarakat. Sehingga kini, usaha membasmi rasuah masih belum menampakkan hasil sepenuhnya, walaupun pelbagai usaha dan kempen dilakukan dari semasa ke semasa.

Sesungguhnya rasuah boleh menghancurkan negara, tidak kira sama ada ia berlaku dalam kalangan pihak atasan sebagai pentadbir mahupun golongan bawahan. Setiap yang melakukan rasuah sama ada pemberi, penerima atau yang bersubahat dianggap sebagai perompak harta rakyat. Berdasarkan pemerhatian, semakin besar pangkat seseorang, semakin besarlah peluang untuk terlibat dengan jenayah rasuah dan semakin pintar pula mereka melepaskan diri daripada disabitkan dengan jenayah rasuah.

Jika bilangan jenayah rasuah ini terus meningkat, maka akan terancam lah kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan negara. Sejarah telah membuktikan bahawa rasuah ini telah wujud semenjak ribuan tahun yang lampau. Bahkan, ada tamadun yang runtuh akibat rasuah ini.

Al-Quran juga menukilkan kisah cubaan melakukan rasuah yang dilakukan oleh Puteri Balqis kepada Nabi Sulaiman a.s. Bagaimanapun Nabi Sulaiman a.s. menolaknya dengan tegas. Peristiwa ini dipaparkan oleh Allah di dalam surah an-Naml ayat 35 -37:



وَإِنِّي مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾ فَلَمَّا جَاءَ سُلَيْمَانَ قَالَ أَتُمِدُّونَ بِمَالِ أُمَّةٍ  
أَنْتَنِيهِ اللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّا آتَاكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بِهَدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾ أَرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُمْ بِجُنُودٍ لَا قِبَلَ لَهُمْ  
بِهَا وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ مِنْهَا أَذِلَّةً وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٣٧﴾

Ertinya: Dan aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita.

Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikanNya kepada kamu; bahkan kamulah yang bergembira dengan hanya kekayaan yang dihadihkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah).

Kembalilah kepada mereka maka demi sesungguhnya kami akan mendatangi mereka dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentangnyanya dan kami akan mengeluarkan mereka dari negeri (Saba') dengan keadaan hina, menjadi orang-orang tawanan.

**Para Jemaah yang dirahmati Allah,**

Islam menganggap perbuatan menerima dan memberi rasuah sebagai perbuatan yang jijik. Sesiapa yang melakukannya dikira fasiq dan berdosa besar, malah mereka akan dilaknat oleh Allah dan Rasul-Nya serta menerima azab di akhirat kelak. Sayyidina Abdullah bin 'Amr r.a. meriwayatkan hadis:

الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ.

Maksudnya: Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam neraka.

(Riwayat at-Tobaroni 2026)



Sesungguhnya Islam tetap mengharamkan rasuah dalam apa jua bentuk dan nama. Berhati-hatilah dalam menerima hadiah yang tidak akan diberikan kepada kita jika kita tidak memiliki sebarang jawatan dan kedudukan, sebagaimana yang dikisahkan dalam kitab *Tarikh al-Khulafa'* bahawa Sayyidina 'Umar Abdul Aziz r.a. pernah diberi hadiah sewaktu beliau menjadi khalifah tetapi ditolakinya. Dikatakan kepadanya: "Rasulullah juga menerima hadiah" maka beliau menjawab: "Apa yang diterima oleh Rasulullah itu memang menerima hadiah, tetapi ini buat saya adalah suapan (rasuah)".

Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ اسْتَعْمَلَنَا عَلَى عَمَلٍ، فَرَزَقْنَاهُ رِزْقًا، فَمَا أَخَذَ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ غُلُوبٌ.

Maksudnya: **Sesiapa yang kami berikan pekerjaan, kemudian kami berikan gaji, maka apa yang diambil selebihnya daripada itu bererti penipuan.** (Riwayat Abu Daud 2943)

Marilah kita mengambil pengajaran dari sikap berhati-hati yang ditunjukkan oleh Khalifah Omar Abdul Aziz, kerana kebanyakan manusia hari ini tidak lagi menapis sumber rezeki mereka, asalkan apa yang diperoleh menguntungkan mereka. Kebanyakan manusia ingin cepat kaya dan menganggap harta kekayaan sebagai matlamat utama dalam kehidupan. Rentetan itu mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat masing-masing.

Pada zaman ini, masyarakat tidak lagi mengamalkan sifat malu dalam kehidupan seharian mereka, sikap tidak malu inilah punca berlakunya rasuah, pecah amanah, berdusta dan sebagainya. Mereka tidak malu kepada Allah dan tidak malu kepada masyarakat untuk membuat dosa dan maksiat.

Sebagai mengakhiri khutbah pertama pada hari ini, khatib ingin mengajak kita semua menjadi manusia yang baik dengan menolak amalan rasuah agar kita dapat memastikan:

- 1 - Jaminan kesinambungan nasab dan keturunan kita kekal dalam keadaan suci tanpa dinodai dengan unsur yang haram yang hanya dapat dibersihkan dengan api neraka Allah SWT.**
- 2 - Peningkatan kepercayaan sesama kita di antara pemimpin dan rakyat, pentadbir dan masyarakat.**



3 - Bahawa segala ibadat yang kita laksanakan seperti solat, puasa, berzakat dan haji benar-benar diterima oleh Allah sehingga berjaya mencegah kita daripada terlibat dengan jenayah dan dosa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### خطبه كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

#### Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru agar kita tetap berpegang kepada aqidah islamiah berteraskan ahli sunnah wal jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesame manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mendirikan solat berjemaah.

Mimbar berpesan agar kita sama-sama mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Hadirlah ke masjid dalam keadaan berwuduk, diwajibkan membawa sejadah sendiri dan memakai pelitup muka. Marilah kita sama-sama berwaspada, agar masjid-masjid kita tidak menjadi kluster baharu yang menggagalkan usaha memutuskan rangkaian jangkitan Kovid-19.

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>9</sup>  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ  
الْكُورُونَا، وَالْعَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَادِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن  
سَائِرِ بِلَادِنَا عَامَّةً.

**Ya Allah**, berkatilah hidup hambamu yang melaksanakan tuntutan zakat dan kurniakan rezeki yang berlipat ganda kepada para pewakaf serta sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan *fuqara'* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefaqiran yang berpanjangan.

**Ya Allah**, kurniakanlah taufiq dan hidayah-Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>8</sup> Ayat al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk Kaum Muslimin